

# UMS bina hotel, makmal pengajaran hospitaliti

Pembinaan hotel 18 bilik itu bermula tahun ini dan akan siap dalam tempoh dua tahun

UB 05.09.2024 P. 02



**RASMI:** Kasim bersama-sama ahli lembaga pengarah dan pegawai utama UMS menyempurnakan gimik perasmian pecah tanah Hotel UMS dan Makmal Pengajaran Hospitaliti.

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membangunkan Hotel UMS dan Makmal Pengajaran Hospitaliti Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) sebagai satu bentuk kemudahan penginapan dalam kampus.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata projek pembangunan Hotel UMS dan Makmal Pengajaran Hospitaliti FPEP itu telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti sejak 28 Disember 2020.

Sehingga kini, katanya, jumlah peruntukan bagi membiayai projek ini adalah RM10 juta daripada peruntukan Rizab Kumpulan Wang Pembangunan Universiti.

“Ini membuktikan komitmen universiti dalam memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran uni-

versiti bertaraf dunia selaras inisiatif Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2 dalam Pelan Strategik UMS 2023-2027,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis pecah tanah hotel tersebut di kampus UMS, di sini.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis itu, Kasim berkata pembangunan hotel berkonsepkan Boutique Hotel itu akan menjadi tempat untuk pelajar melakukan amali dan latihan praktikal berkaitan industri perhotelan dan pelancongan.

Beliau menjangka pembinaan hotel UMS yang bermula tahun ini, akan siap dalam tempoh dua tahun dan menempatkan 18 bilik.

Terdahulu, Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim dalam ucapannya berkata, pembinaan hotel itu akan meningkatkan

kualiti pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi FPEP melalui pendekatan experimental learning dan hands-on kepada pelajar.

“Apabila siap kelak, Hotel UMS dan Makmal Pengajaran Hospitaliti ini akan mendedahkan pelajar kepada operasi sebenar sebuah hotel komersial.

“Ia merangkumi perkhidmatan operasi pejabat, perkhidmatan bilik, pengemasan rumah, pengurusan acara, perkhidmatan makanan dan minuman (F&B) dan lain-lain perkhidmatan,” katanya.

Turut hadir ahli lembaga pengarah UMS, Datuk Hj. Aliasgar Hj. Basri dan Norali Ag Damit; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; dan Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh.